



## PERDAGANGAN

Malaysia mencatatkan nilai eksport dan import masing-masing sebanyak RM126.2 bilion dan RM113.3 bilion pada Oktober 2023.

# Jumlah perdagangan Malaysia RM239.5 billion

Jumlah import, eksport pada Oktober lalu naik sedikit berbanding September

## KUALA LUMPUR

Jumlah perdagangan Malaysia pada Oktober 2023 berjumlah RM239.5 billion (September 2023: RM224.4 billion) dengan eksport dan import, masing-masing sebanyak RM126.2 billion dan RM113.3 billion, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin berkata, eksport pada Oktober merosot 4.4 peratus atau RM5.8 billion berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

"Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor

(-RM2.4 billion), Sarawak (-RM1.9 billion), Sabah (-RM1.5 billion), Melaka (-RM495.0 juta), Negeri Sembilan (-RM328.9 juta), Labuan (-RM241.6 juta), Kuala Lumpur (-RM196.3 juta) dan Perlis (-RM12.7 juta).

"Bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Kedah sebanyak RM745.2 juta, Selangor (RM478.6 juta), Terengganu (RM281.5 juta), Pahang (RM94.2 juta), Pulau Pinang (RM67.3 juta), Perak (RM60.6 juta) dan Kelantan (RM23.3 juta)," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 30.9 peratus, diikuti oleh Johor (20.9 peratus), Selangor (18.2 peratus), Sarawak (7.9 peratus) dan Kuala Lumpur (4.3 peratus).

Import susut 0.2 peratus atau



MOHD UZIR

RM193.1 juta pada Oktober 2023 berbanding bulan sama pada 2022.

Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah di kebanyakan negeri iaitu Johor (-RM4.3 billion), Pulau Pinang (-RM1.9 billion), Kedah (-RM1.2 billion), Melaka (-RM487.2 juta), Sarawak (-RM64.5 juta) dan Kelantan (-RM5.3 juta).

Bagaimanapun, nilai import meningkat di Kuala Lumpur sebanyak RM2.9 billion, Selangor (RM2.2 billion), Negeri Sembilan (RM1.4 billion), Pahang (RM743.5 juta), Perak (RM328.2 juta), Labuan (RM304.3 juta), Sabah (RM229.3 juta), Terengganu (RM99.3 juta) dan Perlis (RM7.9 juta).

Selangor terus mendominasi import Malaysia dengan 25.9 peratus, diikuti oleh Johor (24.3 peratus), Pulau Pinang (19.2 peratus), Kuala Lumpur (8.2 peratus) dan Kedah (5.5 peratus), katanya. - Bernama